

25 OCT 1999

DR MAHATHIR Pengerusi Mesyuarat Dewan Tertinggi BN

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, hari ini.

Mesyuarat itu, yang diadakan di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, dijangka membincangkan persiapan BN dan 14 parti komponennya bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Para pemimpin BN juga dijangka mengadakan post-mortem mengenai sambutan ulang tahun ke-25 BN yang diadakan di seluruh negara malam tadi dengan acara sambutan utama di Stadium Nasional, Bukit Jalil dengan dihadiri puluhan ribu penyokong dan orang ramai.

Mesyuarat terakhir dewan itu diadakan 24 Jun lalu yang berakhir dengan arahan Dr Mahathir selaku Pengerusi BN dan Presiden Umno supaya kesemua parti komponen BN menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing.

Tempoh Parlimen sekarang tamat pada Jun tahun depan.

BN dianggotai UMNO, MCA, MIC, Gerakan, Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP).

-- BERNAMA

MAM AKD